



'Elak beri satu lagi pengeluaran khas KWSP'

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu mengelak daripada memberikan sekali lagi kemudahan pengeluaran khas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi memastikan pencarum mempunyai simpanan persaraan yang mencukupi, selain meminimumkan kesan jangka panjang kepada dana persaraan swasta itu.

Penganalisis Ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata pengeluaran KWSP dianggap sebagai pengeluaran wang simpanan kecemasan yang tidak boleh dilaksanakan secara berterusan atau berkala.

"Pengeluaran berterusan turut memberikan kesan jangka panjang kepada operasi KWSP itu sendiri," katanya kepada BH.

KWSP dalam satu kenyataan pada Ahad berkata, tumpuannya kini adalah membantu ahli membina semula simpanan demi masa depan persaraan mereka berikutan penyediaan beberapa kemudahan pengeluaran yang disebabkan oleh pandemik COVID-19.

Pengeluaran yang dimaksudkan, iaitu i-Lestari, i-Sinar dan i-Citra sudah mengakibatkan sejumlah RM101 bilion dikeluarkan dan disalurkan kepada lebih 7.4 juta ahli atau lebih separuh jumlah keseluruhan ahli KWSP.

Walaupun pengeluaran itu memberikan sedikit kelegaan kewangan kepada ahli semasa pandemik dan pelbagai peringkat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), jumlah simpanan dikeluarkan menyebabkan 6.1 juta ahli mempunyai kurang daripada RM10,000 dalam akaun.

Daripada jumlah itu, 3.6 juta mempunyai kurang daripada RM1,000 seterusnya menjadikan mereka lebih rentan dan tanpa perlindungan persaraan. Mengu-

las lanjut, Aimi Zulhazmi berkata, pengurangan dana disebabkan pengeluaran khas dalam skala yang besar akan mengecilkan saiz dana diuruskan KWSP.

Ia sekali gus menyebabkan KWSP kehilangan skala ekonomi besar, terutama apabila berurusan dengan pengurus dana antarabangsa.

"Pulangan pelaburan KWSP juga akan menjadi lebih kecil apatah lagi berbanding dengan negara lain seperti Singapura, Australia dan Kanada yang mempunyai dana persaraan sama sepertinya," katanya.

Pensyarah Ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin pula berpandangan, pengeluaran khas seperti i-Lestari, i-Sinar, dan i-Citra seharusnya adalah pilihan terakhir yang dilaksanakan kerajaan.

Beliau berkata, seandainya kerajaan boleh memberikan bantuan tunai yang mencukupi dan secara berkala, pengelu-

ran dana persaraan ini semanganya tidak diperlukan.

Tegasnya, pengeluaran khas seperti ini boleh dielakkan jika kerajaan memberikan bantuan tunai yang mencukupi.

"Ini boleh dilakukan dengan mereformasi sistem jaringan sosial Malaysia, seperti pengenalan dasar pendapatan asas, yang boleh dipertimbangkan," katanya.

Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia, Dr Mohammad Khair Afham Mohd Senan, berkata impak negatif jika pengeluaran khas KWSP ini dilaksanakan lagi adalah simpanan persaraan yang tidak mencukupi susulan kajian mengunjurkan antara 2020 dan 2046, penduduk Malaysia yang berumur lebih 65 tahun akan berganda daripada tujuh peratus kepada 14 peratus.



Irwan Shah Zainal